

Anggota Rela tidak

BH 19 FEB 2000

Oleh Mohd Fadzil Abd Aziz

KUALA LUMPUR, Jumaat – Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela) tidak bercadang membekalkan senjata api lebih canggih, termasuk M 16 kepada anggotanya, kecuali ketika menjalani latihan.

Ketua Pengarahnya, Hamzah Abdullah, berkata pada masa ini penggunaan senjata M 16 hanya dibenarkan pada majlis rasmi peringkat kebangsaan dan negeri, selain bagi menghadapi sebarang

kemungkinan, termasuk ketika darurat.

Beliau berkata, pihaknya belum bercadang membekalkan senjata api yang lebih canggih termasuk M 16 kepada anggotanya, sebaliknya mereka akan terus dibekalkan dengan senapan patah.

“Kita hanya membenarkan anggota menggunakan M16 ketika menjalani latihan atau bagi menghadapi sebarang kemungki-

nan terutama ketika darurat,” katanya kepada *Berita Harian*, di sini.

Hamzah berkata, walaupun tidak dibekalkan dengan senjata api yang canggih, anggota Rela tetap boleh melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan sempurna.

“Sebagai agensi keselamatan, kita tidak boleh lari daripada falsafah sebagai mata dan telinga kerajaan serta berperanan me-

nyampaikan maklumat yang difikirkan boleh mengancam keselamatan dan keamanan negara,” katanya.

Hamzah berkata, pihaknya tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana anggotanya yang menyalahgunakan senjata yang dibekalkan kepada mereka, termasuk merampas senjata api yang dibekalkan selain membatalkan keanggotaan mereka.

akan diberi **M-16**

Katanya, walaupun bilangan mereka melakukan kesalahan itu amat kecil dan hanya membabitkan satu atau dua kes sahaja dalam tempoh beberapa tahun lalu, tetapi Rela memandang serius kesalahan seperti itu.

“Bagaimanapun, kita tidak akan bertolak ansur dan akan mengambil tindakan serta merta terhadap mana-mana anggota yang didapati melakukan kesalahan itu,” katanya.

Ditanya mengenai persiapan Rela sempena menyambut ulang tahunnya yang ke-28 pada Sabtu ini, Hamzah berkata lebih 2,000 anggota Rela dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak dijangka menghadiri majlis itu.

Sambutan kali ini akan diadakan di perkarangan Stadium Darul Aman, Kedah dan akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri. Datuk Seri Abdullah

Ahmad Badawi.

“Sempena majlis itu, Rela akan menyampaikan sijil penghargaan kepada 17 anggotanya yang terpilih sebagai menghargai jasa mereka kerana membantu negara dalam pelbagai sudut.

“Selain, agensi keselamatan itu juga akan menyampaikan bantuan buku rujukan bernilai kira-kira RM800 kepada lapan sekolah selain 200 anggota Rela akan nenderma darah,” katanya.